

MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BIL.3/2020
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Tarikh : 17 Disember 2020 (Khamis)
Masa : 9.30 – 11.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat 1, Aras 3
MEDAC
Kehadiran : Lampiran A

Bil	Perkara	Tindakan
1.0	Perutusan Pengerusi	
1.1	YBrS. Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir ke mesyuarat MBJ Bil.3/2020.	Makluman
1.2	YBrS. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pelaksanaan MBJ pada tahun ini dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali sahaja kerana situasi semasa negara akibat penularan Covid-19. YBrS. Tuan Pengerusi seterusnya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia MBJ MEDAC dan semua ahli mesyuarat kerana berjaya memastikan pelaksanaan MBJ pada tahun ini berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.	Makluman
1.3	YBrS. Tuan Pengerusi mengingatkan kepada semua ahli mesyuarat supaya mematuhi prosedur operasi <i>standard</i> (SOP) agar keselamatan dan kesihatan warga sentiasa terpelihara. YBrS. Tuan Pengerusi juga berharap agar kelaziman baharu (<i>new normal</i>) yang dapat diterapkan dan dijamin dengan sebaiknya oleh seluruh warga MEDAC.	Makluman
1.4	YBrS. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa: (i) MBJ merupakan satu platform rasmi yang diwujudkan bagi membolehkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Pihak Pekerja diselesaikan segera dalam suasana yang harmoni; (ii) Kedua-dua belah pihak iaitu Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja merupakan rakan kongsi dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan MEDAC. Jaringan hubungan antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja dapat	Makluman

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>diperkukuhkan melalui kaedah permuafakatan atau perbincangan.</p> <p>(iii) MBJ dijadikan satu platform untuk membincangkan aktiviti untuk kebajikan bersama. Khususnya di peringkat pekerja supaya MBJ dapat mencadangkan program-program yang boleh mewujudkan suasana kondusif untuk bekerja; dan</p> <p>(iv) MBJ kali ini adalah bertujuan mendapatkan maklum balas berhubung isu-isu berbangkit dan membincangkan isu-isu/usul-usul baharu;</p>	
2.0	PERUTUSAN NAIB Pengerusi	
2.1	<p>YBrs. Naib Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli MBJ MEDAC (pihak pegawai dan pihak pekerja) di atas segala komitmen dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang tahun 2020 bagi memastikan kebajikan dan kepentingan warga MEDAC terpelihara dengan sebaik mungkin.</p> <p>YBrs. Naib Pengerusi memaklumkan bahawa kehadiran kuorum pekerja bagi mesyuarat kali ini adalah pada kadar minima, sebagaimana disarankan oleh pihak urus setia bagi mematuhi SOP mesyuarat semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Dalam hal ini, isu-isu pihak pekerja di peringkat negeri khususnya melibatkan PKK, akan diwakili oleh wakil PKK di Ibu Pejabat.</p> <p>YBrs. Naib Pengerusi berharap supaya isu-isu yang berbangkit dapat diselesaikan semaksimum mungkin supaya tahun 2021 dapat dimulakan dengan lembaran baharu.</p>	Makluman
3.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT	
3.1	<p>Isu Pembahagian Lot Parkir</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa ruang parkir adalah terhad dan perlu dikongsikan bersama agensi-agensinya daripada Kementerian yang lain.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum BKPK akan mengeluarkan Arahan Pentadbiran berkenaan kaedah/tatacara tuntutan bagi parkir bulanan. Arahan Pentadbiran tersebut dijangka dikeluarkan pada penghujung Disember 2020.</p>	BKPK

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa draf pembahagian parkir telah disediakan oleh BKPK dengan mengambil kira kriteria yang telah dipersetujui oleh MBJ iaitu:</p> <p>(i) Berdasarkan polisi sedia ada iaitu keutamaan kepada pegawai sekurang-kurangnya di Gred 48 dengan justifikasi keperluan pegawai tersebut untuk menghadiri mesyuarat di luar pejabat dengan menggunakan kenderaan sendiri; dan</p> <p>(ii) Merit seperti sumbangan/penglibatan pekerja kepada aktiviti-aktiviti MEDAC (MBJ, Puspanita dll.) di ambil kira di dalam pertimbangan pengagihan parkir.</p> <p>Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tidak dapat dilaksanakan ketika ini disebabkan perkongsian bangunan Blok E4/5 bersama dua (2) Kementerian yang lain.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	
3.2	<p>Kafeteria Kementerian</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa isu berhubung kafeteria ini merangkumi dua (2) perkara iaitu:</p> <p>i) <u>Kebersihan Kafeteria</u></p> <p>Tahap kebersihan dan suasana kafeteria kurang memuaskan disebabkan oleh kerana terdapat asap dari masakan dan keadaan lantai yang berminyak.</p> <p>Dalam hal ini, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya telah melaksanakan kerja-kerja memecahkan <i>table top</i> di kawasan ruang dapur Kafeteria untuk memastikan dapur dapat diletakan di bawah <i>kitchen hood</i>. Kerja-kerja ini dilakukan bagi memastikan peredaran asap dari masakan dapat keluar melalui <i>ekzos fan</i> dengan sempurna. Selain itu, pengusaha kafeteria juga telah mengambil inisiatif dengan menambah beberapa kipas di kawasan dapur bagi membantu tujuan tersebut.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara-perkara ini terus disusuli.</p>	BKPK

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>ii) <u>Harga Makanan</u></p> <p>Harga makanan berlauk yang mahal dan tidak tetap (berubah-ubah meskipun bagi kuantiti yang sama) telah dikenakan oleh pihak pengusaha kafeteria kepada warga MEDAC.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa perjumpaan bersama pihak pengusaha kafeteria telah diadakan sebelum ini. Walau bagaimanapun, pihak pengusaha kafeteria hanya mempamerkan harga untuk masakan panas sahaja dan tidak mempamerkan harga bagi masakan berlauk.</p> <p>Mesyuarat berpandangan bahawa perbincangan lanjut bersama pihak berkenaan perlu diadakan bagi mengatasi isu ini dan meminta pihak pengusaha menyediakan menu dan harga yang boleh diakses melalui <i>QR Code</i>.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BKPK
3.3	<p>Kebersihan dan Keceriaan Persekitaran B1</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa isu ini merangkumi dua (2) perkara iaitu:</p> <p>i) <u>Isu Kebersihan</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa persekitaran di B1 terutamanya di kawasan kedai runcit dan belakang kafeteria adalah tidak bersih dan berbau. Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa pengubahsuaian (<i>renovation</i>) diperlukan bagi mengatasi isu bau di kawasan tersebut. BKPK telah mengemukakan perkara ini untuk tindakan pihak JKR.</p> <p>ii) <u>Penutupan Kedai Runcit</u></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa kedai runcit di B1 telah menghentikan operasinya. Walau bagaimanapun, masih terdapat barangan runcit yang masih disimpan di dalam premis berkenaan. Hal ini telah menjejaskan keceriaan permandangan. Pihak BKPK telah cuba menghubungi pengusaha ini tetapi pengusaha masih enggan mengambil tindakan pemindahan barangan yang telah rosak agar perkara ini dimaklumkan ke BPH, JPM untuk tindakan lanjut.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara-perkara ini terus disusuli.</p>	BKPK BKPK

Bil	Perkara	Tindakan
3.4	<p>Cadangan Taklimat Penstrukturan Semula MEDAC</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa taklimat kepada setiap sektor akan diadakan pada awal Januari 2021 setelah waran dari MOF diperolehi.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BPSM
3.5	<p>Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pengurusan baharu telah dilantik oleh warga MEDAC untuk menerajui Kelab Kebajikan dan Sukan MEDAC susulan perpindahan para pegawai pengurusan yang terdahulu.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa isu ini merangkumi dua (2) perkara iaitu:</p> <p><u>i) Isu Kebajikan</u></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa ketika ini tiada sumbangan disediakan oleh Kelab MEDAC kepada para ahli, khususnya yang melibatkan kematian, kelahiran dan sebagainya. Sebarang sumbangan kebajikan ketika ini adalah berdasarkan inisiatif Bahagian / individu tertentu.</p> <p><u>ii) Isu Pembayaran Yuran</u></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa kutipan yuran kelab telah dilaksanakan oleh wakil-wakil Bahagian namun para ahli tidak mendapat manfaat yang sewajarnya. Perkara ini perlu diteliti semula oleh pengerusi Kelab MEDAC yang akan dilantik nanti.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	<p>Kelab MEDAC</p> <p>Kelab MEDAC</p>
3.6	<p>Pakaian Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum serahan telah selesai dibuat pada September 2020.</p> <p>YBrS. Tuan Pengerusi juga memohon agar pihak BKPK dapat melaksanakan perolehan bagi tahun 2021 seawal mungkin untuk mengelakkan sebarang kelewatan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	Makluman

Bil	Perkara	Tindakan
3.7	<p>Cadangan Inisiatif Pencegahan Virus COVID-19</p> <p>Mesyuarat merakamkan penghargaan kepada pihak BKPK kerana telah menyediakan <i>hand sanitizer</i> di kawasan-kawasan lif bagi setiap aras.</p> <p>Mesyuarat juga bersetuju supaya <i>hand sanitizer</i> turut disediakan di setiap bilik mesyuarat sebagai langkah pencegahan kepada penyebaran pandemik COVID-19.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	Makluman
3.8	<p>Penyeragaman Memo/Minit Bebas/Surat Rasmi</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Cadangan "Arahan Pentadbiran - Garis Panduan Penulisan Surat Rasmi, Minit Bebas dan Memo" telah diangkat untuk mendapatkan persetujuan dan kelulusan YBhg. Dato' KSU.</p> <p>Arahan Pentadbiran ini dijangka akan diedarkan kepada warga Kementerian selewat-lewatnya pada minggu ketiga Disember 2020.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BKPK
3.10	<p>Penyelenggaraan Kenderaan Lama Pusat Khidmat Kontraktor</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa perkara ini telah dibincangkan dan diselesaikan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) MEDAC. Kenderaan akan dimohon kepada pihak SPANCO.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	Makluman
3.11	<p>Pertukaran Dalam Setiausaha Pejabat Yang Kerap</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa BPSM hanya melaksanakan pertukaran pegawai (sebarang gred), berdasarkan justifikasi-justifikasi berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Permohonan yang diterima daripada pegawai; ii. Melaksanakan pusingan kerja tertakluk kepada tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 3 tahun di jawatan pegawai ditempatkan; 	Makluman

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>iii. Permohonan/arahan yang diterima daripada Pengurusan Tertinggi/Ketua Jabatan/Sektor dan Bahagian;</p> <p>iv. Kesesuaian penempatan pegawai mengambil kira pelan pembangunan kerjaya pegawai; dan</p> <p>v. Bagi kakitangan sokongan termasuk Setiausaha Pejabat, pertimbangan akan diberikan berdasarkan 'case by case' melalui kelulusan Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan).</p> <p>Tiada pertukaran dalaman pegawai dibuat tanpa mengambil kira justifikasi-justifikasi di atas dan BPSM telah sedaya upaya memastikan bahawa pertimbangan sewajarnya telah diberikan sebelum mengemukakan sebarang syor pertukaran.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai</p>	
3.12	<p>Penempatan Staff Sokongan Bermasalah</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa BPSM telah menguna pakai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1998 (SPP Bil. 4/1998) – Garis Panduan Menguruskan Pegawai Berprestasi Rendah Dan Pegawai Yang Bermasalah (PYB).</p> <p>Selaras dengan SPP Bil. 4/1998, BPSM akan menekankan bahawa tindakan awal ke atas PYB adalah di bawah tanggungjawab Ketua Jabatan/Bahagian pegawai sedia ada. Ianya akan disokong dengan khidmat bantuan kaunseling yang disediakan oleh Unit Perkhidmatan Psikologi, BPSM. Tindakan dalam bentuk pembetulan dan pembaikan ini dilaksanakan dalam <u>tempoh 6 hingga 12 bulan</u>.</p> <p>Penempatan semula pegawai hanya akan dilakukan setelah semua proses di dalam SPP Bil, 4/1998 dilaksanakan selaras dengan perenggan 9.1.6 a. yang mana Ketua Jabatan juga boleh menukar pegawai kepada suasana kerja dan tanggungjawab yang baru sekiranya tindakan-tindakan terdahulu tidak berkesan.</p> <p>BPSM tidak akan melaksanakan penempatan semula PYB termasuk staf sokongan tanpa justifikasi kukuh dan sekiranya ianya tidak mematuhi/melengkapi Garis Panduan di dalam SPP Bil. 4/1998 untuk memastikan keharmonian dan kebajikan pegawai terjaga.</p> <p>Mesyuarat juga berpandangan bahawa Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) MEDAC juga berperanan untuk membantu, sekiranya perlu.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	Makluman


Bil	Perkara	Tindakan
4.0	PEMBENTANGAN USUL / ISU-ISU BAHARU	
4.1	<p>Kemudahan Transit</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat keperluan bagi penyediaan kemudahan transit kepada warga MEDAC yang mempunyai anak yang berumur 7 hingga 12 tahun bagi membantu warga MEDAC dari segi pengurusan masa untuk bekerja dan menguruskan keluarga ketika tempoh waktu bekerja.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa usul ini tidak dapat dipertimbangkan kerana polisi semasa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang tidak membenarkan taska dan pusat jagaan sementara (transit) untuk berada pada blok bangunan yang sama.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai</p>	Makluman
4.2	<p>Kemudahan Pemeriksaan Kesihatan</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju supaya pemeriksaan secara kelompok dapat dibuat terutama kepada warga MEDAC yang berumur 40 tahun dan ke atas. Pemeriksaan ini akan dapat membantu memastikan tahap kesihatan fizikal dan mental warga MEDAC ditahap yang sihat.</p> <p>Mesyuarat juga bersetuju supaya hebahan dibuat untuk makluman warga MEDAC yang berkenaan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BPSM
4.3	<p>Sistem Kehadiran iHadir</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat cadangan agar pengecualian <i>clock in</i> pada sistem iHadir bagi pilihan cuti rehat dibuat memandangkan maklumat yang sama telah dikemaskini di dalam HRMIS.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa sistem iHadir dan sistem HRMIS tidak dapat diselaraskan (<i>synchronize</i>) kerana merupakan dua platform/kontraktor yang berbeza.</p> <p>Mesyuarat seterusnya mengambil maklum bahawa sistem iHadir telah menyediakan fungsi bagi makluman ketidakhadiran ke pejabat seperti cuti rehat. Selain itu, warga MEDAC yang mengambil cuti</p>	Makluman

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>rehat boleh mengemaskini di sistem tersebut semasa atau selepas cuti rehat selesai.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai</p>	
4.4	<p>Penetapan Maklumat Kalori Pemakanan di Kafeteria</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan penetapan maklumat kalori bagi setiap makanan yang dijual. Ini dapat membantu warga MEDAC membuat pilihan dan memberikan kesedaran berkenaan kepentingan menjaga pemakanan yang seimbang dan sihat.</p> <p>Mesyuarat berpandangan bahawa perkara ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan teknologi seperti penggunaan kod QR dan sebagainya serta perlu dimaklumkan kepada pihak pengusaha kafeteria.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli dan dibincangkan bersama isu di para 3.2. pada mesyuarat akan datang.</p>	BKPK/ BPTM
4.5	<p>Kemudahan Parkir Ibu Hamil</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju untuk menyediakan parkir ibu hamil bagi memudahkan urusan pergerakan dan menjaga kebajikan ibu hamil.</p> <p>Mesyuarat juga bersetuju supaya kriteria bagi kemudahan ini diselaraskan bersama kriteria sepertimana kemudahan pulang awal bagi ibu hamil yang terdapat pada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017 - Pelaksanaan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam Kepada Pegawai Wanita Mengandung.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa BKPK akan berusaha untuk menyediakan sekurang-kurangnya satu (1) unit parkir bagi kemudahan ini dengan mengambil kira lokasi dan kemudahan parkir yang terhad di MEDAC.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli</p>	BKPK
4.6	<p>Garis Panduan Bagi Pegawai Bekerja Dari Rumah</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Arahan Pentadbiran Bilangan 9 Tahun 2020 - Kehadiran Ke Pejabat Bagi Pegawai/Kakitangan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) Serta Agensi Di Bawahnya Sepanjang Tempoh 7 Hingga 31 Disember 2020 telah dihebahkan kepada warga MEDAC</p>	Makluman

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>pada 11 Disember 2020.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai</p>	
4.7	<p>Penstrukturan Semula Penempatan Pembantu Tadbir</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan supaya penempatan semula Pembantu Tadbir di Kementerian perlu mendapat pandangan penyelia dan melalui proses perbincangan serta berdasarkan tempoh yang munasabah.</p> <p>Mesyuarat juga bersetuju bahawa penempatan semula di dalam sektor yang sama hanya perlu mendapat persetujuan TKSU bagi sektor tersebut tanpa melalui BPSM. Manakala, bagi penempatan semula yang dilaksanakan di antara sektor, permohonan tersebut perlu melalui pihak BPSM.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai</p>	Makluman
4.8	<p>Penggantian/Penambahan Kenderaan Jabatan bagi PKK Wilayah dan Bahagian Penjaja Kecil</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa perkara ini telah dibincangkan dan diselesaikan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) MEDAC.</p> <p>Mesyuarat juga berpandangan bahawa kenderaan untuk PKK Sabah dan Sarawak perlu disediakan bersesuaian dengan keadaan bentuk muka bumi di sana (jenis pacuan 4 roda), sepertimana kenderaan Jabatan dan Agensi Negeri berkenaan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai</p>	Makluman

Bil	Perkara	Tindakan
4.9	<p>Ruang Penerimaan Parcel</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa satu ruang telah pun disediakan bersebelahan mesin ATM di Lobi Aras 1.</p> <p>Walau bagaimanapun, mesyuarat mengambil maklum bahawa penyediaan ruang <i>parcel</i> ini telah memberikan bebanan/tugas tambahan di luar tugas hakiki serta mengakibatkan kesulitan kepada pegawai bertugas di kaunter lobi kerana terdapat parcel yang tidak diambil dalam tempoh yang terlalu lama oleh warga MEDAC, sehingga pegawai bertugas di kaunter lobi perlu menghubungi pemilik <i>parcel</i> terbabit. Selain itu, penyediaan ruang <i>parcel</i> ini akan menyebabkan berlakunya risiko kehilangan <i>parcel</i>.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya ketetapan pihak BKPK mengenai perkara ini perlu dipatuhi untuk keharmonian semua pihak.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai</p>	Makluman
5.0	PENUTUP	
	<p>Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2020 ditangguhkan pada jam 11.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada YBrs. Tuan Pengerusi.</p>	

Disediakan oleh:



Mohd Shafiq bin Bakar
Setiasaha Bersama MBJ (Pihak Pegawai)

24 Disember 2020


Disemak oleh:



Mohd Faizal bin Dolah
Naib Pengerusi (Pihak Pekerja)

28 Disember 2020

Disahkan oleh:



Noor Azman bin Muhammad Noor
Pengerusi MBJ MEDAC

31 Disember 2020

PIHAK PEGAWAI

1. YBrs. Encik Noor Azman bin Muhammad Noor - Pengerusi Ganti
SUBK (P)
2. Encik Saifuzzaman bin Manan
TSUB Sektor Dasar
3. Puan Marlina binti Ramly
P (PKK)
4. Encik Ismail bin Mohamed Yusof
SUB (BPSM)
5. Puan Rohani binti Abdul Haziz
KPSU (BPTM)
6. Puan Nor Fadila binti M Sapuan
KPSU (BPSM)
7. Encik Ahmad Faizal bin Mohamad
KPSU (BKPK)
8. Puan Hanisah binti Mohd Idris
PSU (BKPK)
9. Encik Mohd Shafiq bin Bakar
PPT (BPSM) - Setiausaha Pihak Pegawai

PIHAK PEKERJA

10. Encik Mohd Faizal bin Dolah
KPSU (BPES) - Naib Pengerusi
11. Encik Zainal bin Bahaudin
PSU (BDHA)
12. Puan Nurazura binti Ali
Jurutera (PKK Ibu Pejabat)

13. Encik Mohd Asraf bin Abd Samat
PSU (PKK Ibu Pejabat)
14. Encik Abdul Hadi bin Che Busu
PPT (PKK Zon Timur)
15. Puan Azhani binti Abu Bakar
PT (PO) BA
16. Puan Siti Zaharah binti Abd Rahman
PT (PO) BDHA
17. Puan Nur Azamimah binti Mohamed Sahak
PT (PO) PKK HQ
18. Encik Rosman bin Mansor
PO (BPK)
19. Encik Shamsul Bahri bin Sinan
PO (PKK HQ)

URUSETIA

20. Puan Jamalatin binti Mesen
PSU (BPSM)
21. Encik Amir Izham bin Alias
PT (BPSM)

PIHAK PEGAWAI

1. YBrs. Encik Noor Azman bin Muhammad Noor - Pengerusi Ganti
SUBK (P)
2. Encik Saifuzzaman bin Manan
TSUB Sektor Dasar
3. Puan Marlina binti Ramly
P (PKK)
4. Encik Ismail bin Mohamed Yusof
SUB (BPSM)
5. Puan Rohani binti Abdul Haziz
KPSU (BPTM)
6. Puan Nor Fadila binti M Sapuan
KPSU (BPSM)
7. Encik Ahmad Faizal bin Mohamad
KPSU (BKPK)
8. Puan Hanisah binti Mohd Idris
PSU (BKPK)
9. Encik Mohd Shafiq bin Bakar - Setiausaha Pihak Pegawai
PPT (BPSM)

PIHAK PEKERJA

10. Encik Mohd Faizal bin Dolah - Naib Pengerusi
KPSU (BPES)
11. Encik Zainal bin Bahaudin
PSU (BDHA)
12. Puan Nurazura binti Ali
Jurutera (PKK Ibu Pejabat)

13. Encik Mohd Asraf bin Abd Samat
PSU (PKK Ibu Pejabat)
14. Encik Abdul Hadi bin Che Busu
PPT (PKK Zon Timur)
15. Puan Azhani binti Abu Bakar
PT (PO) BA
16. Puan Siti Zaharah binti Abd Rahman
PT (PO) BDHA
17. Puan Nur Azamimah binti Mohamed Sahak
PT (PO) PKK HQ
18. Encik Rosman bin Mansor
PO (BPK)
19. Encik Shamsul Bahri bin Sinan
PO (PKK HQ)

URUSETIA

20. Puan Jamalatin binti Mesen
PSU (BPSM)
21. Encik Amir Izham bin Alias
PT (BPSM)